

▼29/10/20-34MST

U GB 29-10 00184 EA061

aab

Mahathir - Belanjawan

PM KATA BELANJAWAN ANWAR PALING BAIK BERBANDING MASA LEPAS

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Belanjawan 1994 yang dibentangkan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, merupakan yang paling baik pernah dinikmati negara ini kerana keupayaannya mengimbangi perbelajaan dan pendapatan.

Perdana Menteri berkata, walaupun belanjawan pada masa lepas turut mengimbangi perbelanjaan dan pendapatan, ia tidak mengambil kira perbelanjaan pembangunan berbanding Belanjawan 1994 yang turut mengambil kira peruntukan agak besar untuk pembangunan iaitu lebih RM13,000 juta.

"Ini satu pencapaian yang luar biasa," katanya kepada pemberita di Bangunan Parlimen ketika diminta mengulas Belanjawan 1994 yang dibentangkan Anwar di Dewan Rakyat, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, walaupun kerajaan akan kehilangan hasil hampir RM1,900 juta kerana pelbagai penurunan cukai, pengecualian cukai dan insentif pelaburan, peningkatan pertumbuhan ekonomi dan perdagangan yang dinikmati sektor swasta dijangka dapat menampung kekurangan itu melalui sumbangan mereka kepada hasil cukai negara.

Katanya, kerajaan juga yakin bahawa dengan mengenakan cukai yang rendah, jumlah cukai yang akan diperolehi meningkat. -- Lagi.

▼29/10/19-06MST

CNS5740

U GB 29-10 00169 BA071

aab

Mahathir - Belanjawan 2 Kuala Lumpur

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan terus berwaspada dalam pengurusan kewangan negara kerana perbelanjaan yang tidak diurus dengan cekap boleh mengakibatkan penurunan prestasi ekonomi yang sedang meningkat.

Sambil melahirkan rasa puas hatinya kepada Belanjawan 1994 itu, Perdana Menteri berkata, keupayaan kerajaan mengeluarkan 60,000 rakyat berpendapatan rendah daripada senarai pembayar cukai juga merupakan satu prestasi yang baik.

"Seperti biasa, semua orang akan sambut baik (Belanjawan 1994) dalam tempoh sehari dua ini. Apabila masuk hari ketiga, mereka yang suka mencari kecacatan pada belanjawan itu sudah pasti akan mula menyatakan perkara yang buruk sahaja kepada kerajaan," katanya.

Dr Mahathir juga diminta mengulas pembayaran bonus setengah bulan gaji, yang pertama kali diberi kepada lebih 800,000 anggota dan pegawai perkhidmatan awam, dalam belanjawan kali ini.

Katanya, kerajaan berupaya membuat pembayaran itu kerana mempunyai sedikit kelebihan dari segi pendapatan yang difikirkan perlu juga diagihkan kepada kakitangan kerajaan kerana sumbangan mereka kepada pentadbiran negara. -- Lagi.

▼29/10/20-10MST

CNS5783

U GB 29-10 00174 BA076

bah

Mahathir - Belanjawan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga berupaya membuat pembayaran itu kerana bilangan pegawai dan anggota perkhidmatan awam sudah dapat dikurangkan hampir 100,000 orang hasil program penswastan beberapa jabatan dan agensinya.

"Di samping itu, kita ingin tunaikan janji kita kepada CUEPACS semasa kita swastakan beberapa jabatan kerajaan bahawa mereka yang tidak terlibat di dalam program itu akan turut dibayar bonus jika kerajaan mampu," katanya.

Katanya, adalah tidak adil sekiranya pegawai dan anggota perkhidmatan awam yang tidak terlibat dalam program penswastan tidak diberi peluang menikmati bonus sebagaimana pelbagai faedah penswastan seperti membeli saham, gaji yang meningkat dan bonus tahunan yang diperolehi rakan-rakan mereka daripada jabatan dan agensi yang sudah diswastakan.

Ketika ditanya mengapa kerajaan menyediakan peruntukan yang besar kepada pembangunan infrastruktur, Dr Mahathir berkata, pertumbuhan ekonomi yang pesat biasanya menyebabkan infrastruktur yang ada tidak dapat menampung keperluan.

Oleh itu, katanya, kerajaan perlu menambah perbelanjaan berkenaan dan cara terbaik ialah menswastakan projek-projek infrastruktur. -- Bernama.

AH NMO

▼29/10/20-52MST